

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/27 (125)

17 Mei 2013
7 Rejab 1434

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 13/2013

Semua Staf Akademik
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

PERMOHONAN JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK UNIVERSITI FAKULTI ALAM BINA

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa akan wujud kekosongan bagi jawatan pentadbir akademik di Fakulti Alam Bina seperti berikut :

i) Timbalan Dekan (Akademik)

2. Mengikut kaedah baru yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Universiti, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan haruslah memaklumkan kekosongan jawatan bagi membolehkan semua staf akademik yang berminat mengemukakan permohonan.

3. Kriteria pemilihan bagi jawatan ini adalah seperti berikut :

- i) Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan cemerlang dan dihormati.
- ii) Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- iii) Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang dibawah pimpinannya.
- iv) Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan Negara.
- v) Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah.
- vi) Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.


4. Sehubungan dengan itu, semua staf akademik boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat sebelum **31 Mei 2013** untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut.

5. Surat permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:
- i) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan kemaskini;
 - ii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - iii) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti.
6. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertaraf - **SULIT** - dengan menulis jawatan yang dipohon di penjuru kanan sampul surat dan dihantar kepada Timbalan Pendaftar, Fakulti Alam Bina, UTM Johor Bahru sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan di atas.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah ”

Yang benar,



WAN MOHD ZAWAWI BIN WAN ABD RAHMAN
Pendaftar

- s.k. ☞ YBhg Naib Canselor
☞ YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
☞ YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
☞ YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
☞ YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
☞ Dekan Fakulti Alam Bina